

Peruntukan tambahan bantu Johor

KUALA LUMPUR – Kerajaan sedia meluluskan peruntukan segera kepada mangsa banjir di Johor, negeri yang sedang teruk dilanda banjir, jika peruntukan sedia ada tidak mencukupi, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Sekiranya peruntukan bantuan kewangan diperlukan maka kerajaan akan mengeluarkan peruntukan segera untuk membantu menyediakan bekalan kepada mangsa.

“Saya juga telah meminta Angkatan Tentera Malaysia untuk menambah lagi bilangan anggota dan kelengkapan termasuk lori tiga tan, bot dan juga helikopter untuk membantu dalam pemindahan mangsa-mangsa banjir,” kata Timbalan Perdana Menteri selepas majlis penyerahan wang zakat dari Eoncap Islamic Bank kepada ATM di Kementerian Pertahanan di sini semalam.

Najib, yang juga Menteri Pertahanan berkata, sekiranya peralatan untuk menangani banjir di negeri selatan tanah air tidak mencukupi, beliau telah mengarahkan peralatan tambahan dihantar dari Negeri Sembilan dan Selangor untuk membantu operasi pemindahan dan menyelamatkan.

Katanya jika keadaan banjir di Johor bertambah buruk, lebih banyak bantuan akan disalurkan ke negeri itu dan semua agensi kerajaan di negeri-negeri lain akan dikerah ke sana untuk membantu memindah dan menyelamatkan mangsa banjir. – Bernama